

Isu Palestin tiada penyelesaian: Pak Lah

TOKYO: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau tidak nampak ada penyelesaian kepada konflik Palestin-Israel dalam keadaan sekarang kerana ada saja pihak berusaha menggagalkan pelan damai yang menjadi asas kepada proses perdamaian.

Perdana Menteri berkata, kerana pelan damai itu diterima pada asalnya oleh kedua-dua pihak, mereka harus kembali kepada asas ini untuk meneruskan usaha damai.

Katanya, jika pelan damai sedia ada tidak boleh diguna atau tidak lagi diterima baik oleh Palestin atau Israel, sukar mencari asas lain bagi menamatkan konflik paling lama itu.

"Ini bermakna, masalah Palestin tidak ada penyelesaiannya.. Tak ada penyelesaian dan ini yang membimbangkan," katanya kepada war-

tawan Malaysia di sini sebelum pulang selepas lawatan sehari ke sini semalam.

Beliau mengulas pertemuannya dengan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi sebelum itu yang menurutnya tertumpu kepada isu Iraq dan Palestin.

Perdana Menteri berkata, beberapa tahun dulu sebelum pelan damai berkenaan diperkenalkan, sudah ada pelan perdamaian yang dipersetujui pemimpin Palestin, Yasser Arafat dan Perdana Menteri Israel ketika itu, Yitzak Rabin.

"Malah, kedua-dua pemimpin itu mengadakan pertemuan dan bersalaman di Rumah Putih. Oleh kerana pelan itu meyakinkan dunia bahawa peluang untuk perdamaian di Asia Barat adalah cerah ketika itu, Arafat dan Rabin dipilih sebagai pemenang anugerah Keamanan Nobel.

"Bagaimanapun, pelan perdamaian itu lebur apabila Benjamin Netanyahu mengambil alih sebagai perdana menteri Israel.

"Netanyahu tidak langsung berminat meneruskan perjanjian Arafat-Rabin itu. Walaupun seluruh dunia kecewa dengan sikapnya, diterus berdegil," katanya.

Ditanya mengenai keganasan yang dilakukan puak militan kota minyak al-Khobar di Arab Saudi Ahad lalu yang mengakibatkan 22 terkorban, Abdullah berkata, beliau kesal kerana keganasan masih berlaku di Arab Saudi dan di mana-mana juga.

Beliau berkata, selain tindakan ketenteraan diambil oleh kerajaan Arab Saudi, adalah penting usaha seterusnya dilaksanakan untuk memahami tindakan mereka yang melakukan keganasan itu.

"Saya katakan ini, sebab itulah pengalaman Malaysia menghadapi keganasan yang dilakukan komunis suatu masa dulu yang menggunakan alat peperangan.

"Kita mengambil langkah yang perlu diambil supaya menyokong mereka memihak kepada kita," katanya.

Mengenai Iraq, Abdullah berkata-beliau dan Koizumi juga bersetuju bahawa apa jua usaha yang boleh dilaksanakan bagi membantu Iraq membina semula negara itu, perlu disokong.

Katanya, rakyat Iraq mesti diberi hak untuk menentukan perkara yang ada hubung kait dengan kedaulatan serta keselamatan negara mereka.

"Kalau ini tidak dilakukan, kerajaan yang mengambil alih kuasa di Iraq nanti tidak bererti,

tidak bermakna.

'Adalah amat penting rakyat Iraq perlu diyakinkan dengan keikhlasan sikap pihak Amerika dan juga Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap kerajaan sementara itu dari segi mengembalikan kedaulatan dan keselamatan Iraq," katanya.

Abdullah berkata pada pertemuan dengan Koizumi, Perdana Menteri Jepun itu turut bertanya mengenai perkembangan penubuhan Universiti Teknologi Malaysia-Jepun yang sudah dipersetujui antara kedua-dua negara.

Beliau berkata, projek itu belum dapat dilaksanakan kerana masalah pembiayaan pembinaannya belum diputuskan,

"Belum ada formula yang dapat diterima tetapi kita komited untuk menubuhkannya," katanya. - Berita.